

22 JUL 1997

Mahathir-rancangan

TIDAK ADA RANCANGAN TERTENTU UNTUK DILAKSANA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mempunyai rancangan tertentu untuk dilaksanakan sekembalinya ke tanah air hari ini selepas menamatkan "percutian bekerja" selama dua bulan di luar negara.

"Saya tak ada rancangan apapun. Saya balik nak tanya apa yang sedang dan akan berlaku," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

Beliau ditanya mengenai "langkah pertama" yang akan beliau lakukan sekembali ke tanah air.

Semasa percutiannya itu, Dr Mahathir telah melawat beberapa negara termasuk di Eropah dan Asia Barat dan membuat lawatan kerja ke Jepun.

Ketika ditanya pendapat beliau mengenai keadaan negara ketika percutiannya, Perdana Menteri berkata: "Tidak ada apa-apa. Semua berjalan seperti biasa."

"Kalau saya di sini pun masalah yang sama," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang memangku jawatan Perdana Menteri selama Dr Mahathir bercuti sambil bekerja itu, turut berada pada persidangan berita itu.

Dr Mahathir mendapati tidak ada apa-apa yang begitu serius berlaku di negara ini untuk memaksa beliau kembali ke tanah air.

"Seperti yang kita tahu, saya ambil cuti sekian lama (dan) habis cuti, saya balik. Tak ada apa-apa dahsyat berlaku," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada beliau berjaya menulis dan juga berfikir dengan banyak ketika di luar negara, Perdana Menteri menjawab: "Berpikir, saya tidak dapat elak kerana saya terpaksa berfikir (tetapi), menulis, bolehlah sedikit."

Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti bila tulisannya (buku) akan siap. -- BERNAMA

ES AZZ MAI